

RM1 bilion lagi dana skim kredit mikro

OM 1 3 SEP 2003

KUALA LUMPUR 12 Sept. — Kerajaan akan menambah dana skim kredit mikro di bawah Bank Pertanian Malaysia (BPM) dan Bank Simpanan Nasional (BSN) sebanyak RM1 bilion lagi dalam usaha meningkatkan aktiviti ekonomi domestik.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, industri kecil dan sederhana (IKS) perlu digiatkan bagi menjana aktiviti pelaburan dalam negeri.

“Kerajaan telah menyediakan skim kredit mikro di bawah pakej strategi baru untuk memberikan pinjam-

an mudah kepada pengusaha kecil yang terdiri daripada pelbagai golongan seperti petani, penternak lembu, peniaga pasar malam, penjaja dan lain-lain.

“Alhamdulillah, sambutanannya di luar dugaan,” katanya ketika membentangkan Bajet 2004 di Dewan Rakyat hari ini.

Menurut Dr. Mahathir, di bawah skim tersebut, sehingga kini BPM dan BSN telah menerima hampir 88,000 permohonan bernilai RM1.4 bilion.

Tambah beliau, daripada jumlah tersebut, hampir

42,000 permohonan bernilai RM430 juta telah diluluskan.

Menyentuh tentang pembayaran balik pinjaman skim itu, Perdana Menteri berkata, ia menggalakkan dan 86 peratus daripada jadual pembayaran balik telah pun diterima.

Bagaimanapun, jelas beliau, masih terdapat pinjaman yang cuba menyalahgunakan kemudahan tersebut.

“Bagi mereka yang telah diluluskan pinjaman, janganlah pula ada yang liat untuk membayar balik pinjaman,” kata Dr. Mahathir.